

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/1998**

Februari 1998

PGT 222 - Pengantar Penyelidikan Pendidikan

(Masa: 3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 4 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Jawab Soalan **No. 1** dan **dua (2)** soalan lain.

1. (a) Kerlinger berpendapat ada **tiga (3)** cara atau perkara yang diambilkira untuk menentukan rekabentuk (desain) kajian yang baik. Tiga perkara tersebut bolehlah dirumuskan dalam satu perkataan yang ringkas, iaitu **MAXCONMIN**. Apakah yang dimaksudkan dengan **MAXCONMIN**?
(b) Berdasarkan kajian yang telah anda jalankan terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Pengantar Penyelidikan Pendidikan (PGT 222) jelaskan:
 - (i) rekabentuk kajian anda mengikut prinsip **MAXCONMIN**,
 - (ii) ralat persampelan kajian anda. Kenapa ralat persampelan perlu diketahui?
(c) Semasa anda menjalankan kajian tersebut anda telah terlupa menyediakan surat iringan (covering letter). Tuliskan sepucuk surat iringan yang hendak anda hantarkan kepada responden secara pos supaya bilangan soalan selidik yang dikembalikan kepada anda mencapai tahap yang lebih tinggi. Jelaskan syarat-syarat lain yang tidak terdapat dalam kandungan surat yang anda sediakan tetapi perlu diambilkira untuk memperolehi kadar pemulangan bilangan soal selidik yang maksimum

(40 markah)

...2/-

2. (a) Jelaskan **tujuh (7)** langkah untuk memilih sampel kajian.
- (b) Terdapat dua jenis persampelan yang selalu digunakan oleh penyelidik, iaitu persampelan berkemungkinan dan yang tidak berkemungkinan. Jenis persampelan mana yang anda pilih jika sekiranya anda hendak menjalankan satu kajian tentang keberkesanan Program Bistari dalam salah sebuah negeri di Malaysia. Beri sebab-sebab kenapa anda memilih cara tersebut?
- (c) Jelaskan cara anda hendak menentukan saiz (besar) sampel subjek kajian yang hendak dipilih daripada populasi sasaran yang seragam? Gunakan pengetahuan anda untuk mencari nilai ralat persampelan kajian anda yang mengandungi populasi sasaran seramai 114 pelajar dan bilangan pelajar yang mengembalikan soal selidik ialah 56.

(30 markah)

3. (a) Huraikan **sepuluh (10)** perkara yang perlu diambilkira untuk menyediakan item atau butiran yang baik untuk dimasukkan ke dalam alat pengukuran (instrumen).
- (b) Apakah yang dimaksudkan tentang kesahan dan kebolehpercayaan alat pengukuran (instrument)?
- (c) Huraikan **empat (4)** cara mengira kebolehpercayaan alat pengukuran (instrument)

(30 markah)

4. (a) Apa yang dimaksudkan dengan penyelidikan sejarah?
- (b) Huraikan **lima (5)** langkah untuk menjalankan penyelidikan sejarah.
- (c) Sesetengah cendiakawan yang menerangkan kaedah saintifik mengandungi pemerhatian, hipotesis dan eksperimen berpendapat bahawa sejarawan moden adalah saintifik sebab mereka (1) memeriksa sumber-sumber bahan yang mereka gunakan secara kritis dan (2) membentuk hipotesis dengan berhati-hati.

...3/-

Bagaimanapun mereka mengakui bahawa sejarawan menghadapi kesukaran yang lebih berbanding dengan para saintis fizikal dalam usaha mereka menggunakan kaedah saintifik dalam penyelidikan. Perkara ini berlaku disebabkan sejarawan menghadapi banyak masalah semasa menjalankan penyelidik sejarah. Huraikan secara kritis **lima (5) masalah** yang dihadapi oleh ahli sejarawan.

(30 markah)

5. (a) Rekabentuk (desain) kumpulan rawak praujian-pasca ujian dalam kajian eksperimen dikatakan dapat mengatasi ancaman-ancaman yang mempengaruhi keputusan kajian yang dijalankan. Senaraikan **lapan (8)** daripada ancaman-ancaman tersebut dengan memberi contoh-contoh yang berkaitan.

- (b) Huraikan secara ringkas bagaimana anda hendak menjalankan kajian tentang keberkesanan pengajaran dengan bantuan guru (teacher mediated instruction) jika dibanding dengan pengajaran tanpa guru (virtual, CAI dan multi-media dan yang berkaitan) dengan menggunakan rekabentuk kumpulan rawak praujian-pascaujian.

(30 markah)

6. (a) Model Kurt Lewin telah pun menjadi asas model untuk menjalankan kajian tindakan. Salah satu daripada peringkat atau tahap kajianya ialah peringkat yang dinamakannya sebagai ‘refleksi’. Jelaskan dengan ringkas langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh seseorang penyelidik semasa menjalankan proses mereflek yang disebutkan oleh beliau.
- (b) Di bawah ini disertakan catatan harian seorang guru semasa menjalankan latihan untuk membaiki amalannya. Cuba anda baiki tafsiran dan tindakan guru ini berdasarkan kefahaman anda tentang pemerhatian, mereflek dan mengambil tindakan:

PERISTIWA YANG BERLAKU (PEMERHATIAN):

Pelajar tidak dapat menganalisis dan menilai tentang sesuatu dapatan. Mereka menerang pendapat mereka secara umum sahaja semasa membentangkan perbincangan mereka.

...4/-

contohnya:-

1. Pelajar diminta menganalisis dan menilai sebab-sebab imperialisme di Asia Tenggara.
2. Pelajar hanya menyatakan sebab-sebab imperialisme Barat di Asia Tenggara tanpa membuat analisis dan menilai mengapakah imperialisme Barat berlaku di Asia Tenggara?

PANDANGAN DAN TAFSIRAN:

Keadaan ini memberi gambaran bahawa pelajar kurang membaca bahan-bahan bacaan tambahan. Ini mengakibatkan mereka tidak dapat membuat analisis dan menilai tentang sesuatu dapatan yang dibincangkan.

TINDAKAN SUSULAN:

Bagi mengatasi masalah ini, saya berpendapat bahawa penyediaan nota-nota tambahan dan penggunaan ABM seperti carta-carta minda, gambar-gambar perlu disediakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Tujuannya supaya minat dan pengetahuan mereka dapat dipertingkatkan.

Bimbingan dan panduan harus diberikan oleh guru bagaimana sesuatu perbincangan itu dapat menghasilkan suatu perbincangan yang baik.

- c) McNiff, Lomax dan Whitehead menyenaraikan **enam (6) kriteria** untuk menghasilkan kajian tindakan yang baik dan dianggap berjaya untuk mencapaikan matlamatnya.
Huraikan enam kriteria tersebut.

(30 markah)

- 0000000 -